

Proton e.MAS 7 kenderaan rasmi semasa ASEAN 2025

Oleh ARIF AIMAN ASROL

aiman.asrol@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kenderaan elektrik (EV) nasional pertama, kereta Proton e.MAS 7 bakal menjadi kenderaan rasmi negara semasa Persidangan ASEAN pada 2025.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan memberi sokongan penuh terhadap penghasilan Proton e.MAS 7 yang merupakan EV pertama milik negara.

Kata beliau, ia merupakan tanggungjawab kerajaan dalam memberikan kerjasama dan bantuan kepada Proton serta tidak mencampuri urusan pengurusan syarikat pengeluar kenderaan tersebut.

“Saya di sini bukan sahaja melancarkan e.MAS 7 tetapi memberi sokongan yang kuat. Untuk ASEAN (pada) tahun depan, (Proton) e.MAS 7 adalah kenderaan rasmi kita.

“Setinggi kesyukuran kerana kita catat sejarah gemilang bukan sahaja angkat martabat Proton dan Geely tapi imej keupayaan negara terutama rakyat Malaysia dalam menghasilkan kejayaan ini.

“Ia bukan sahaja kenderaan tetapi memenuhi satu daripada tunjang ekonomi Madani dari sudut EV dan keupayaan kita menjana perubahan (dengan) meninggalkan karbon industri lama kepada baharu,” katanya semasa melancarkan e.MAS 7 di Pusat Perdagangan dan Pa-



ANWAR Ibrahim menyambut ketibaan Perdana Menteri Thailand, Paetongtarn Shinawatra sempena lawatan rasmi ke Malaysia di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya. semalam. - AFP

meran Antarabangsa Malaysia (MITEC), di sini semalam.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri II, Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri Pelaburan, Perdagangan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad.

Anwar yang juga Menteri Kewangan menyeru Proton terus memainkan peranannya dalam industri automotif tempatan

dengan mempergiatkan projek EV.

“Dasar Automotif Negara (NAP) 2020 perlu dijadikan rujukan oleh Proton dalam terus menghasilkan EV.

“Syarikat yang beroperasi di dalam industri automotif negara kita bukan sahaja menjual kenderaan tetapi menyediakan peluang pelaburan dan pekerjaan melalui ekosistem holistik,” katanya.

Anwar turut mengimbis kembali pasang surut yang

perlu ditempuh Proton dengan menyifatkan kejayaan hari ini hasil pengajaran terdahulu.

“Proton ada sejarah gemilang. Ia diasaskan semasa Tun Dr Mahathir jadi Perdana Menteri (keempat), ada pasang surutnya.

“Namun pengajaran kita peroleh ialah kita harus akui kerajaan bertanggungjawab beri bantuan dan kerjasama, tidak masuk campur dan perkasakan dengan penyelidikan, latihan dan tatakelola,” katanya.